

# Cagamas muktamad terbitan bon RM1.10b biaya pinjaman

Oleh NABILA YASMIN RAZIB

ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 7 Sept. - Cagamas Bhd. memuktamadkan gabungan terbitan bon dan nota pelbagai tempoh berjumlah RM1.10 bilion bagi membiayai pembelian pinjaman gadai janji daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong (**gambar**) berkata, terbitan berkenaan membabitkan RM50 juta Nota Tempoh Sederhana Konvensional (CMTN) dua tahun, RM550 juta CMTN tiga tahun dan RM500 juta Kertas Komersial Konvensional (CCP) tiga bulan.

Katanya, kedua-dua CMTN dua tahun dan tiga tahun itu masing-masing mempunyai harga

yang kompetitif pada kadar 3.95 peratus dan 4.05 peratus.

"CMTN RM50 juta yang mempunyai tempoh dua tahun dimuktamadkan menerusi proses penetapan harga dan terbitan kali ini telah menarik minat daripada pelbagai kumpulan pelabur, termasuk institusi kewangan, syarikat insurans, dana persaraan, syarikat pengurusan aset dan korporat, serta pengurus aset asing terkemuka di dunia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu Chee Leong berkata, tahap turun naik yang tinggi bagi kadar domestik dan global serta instrumen pelaburan jangka pendek gred tinggi terus



mendapat permintaan yang baik.

Sementara itu, beliau berkata CCP tiga bulan yang bernilai RM500 juta telah dimuktamadkan menerusi tawaran saham persendirian pada harga kompetitif pada lima mata asas di bawah kadar penanda aras tiga bulan KLIBOR.

"Ia menerima kadar langganan sebanyak 60 peratus oleh pelabur asing bagi kertas komersil mata wang tempatan syarikat itu," katanya.

Cagamas berkata kertas berkenaan yang akan ditebus dengan nilai nominal penuh apabila matang.

"Ia akan disenaraikan dan didagangkan menerusi sistem dagangan sekuriti tanpa skrip," katanya.